

# Info PinTAR

**PTAR**  
@your service



ISSN : 1675-990

BILANGAN 3 | 2006 |

<http://www.uitm.edu.my/ptar/>

## AKNC 2006

PENILAIAN PENGURUSAN PTAR SEMPERNA  
AKNC UiTM 2006



oleh Junaida Kamarudin



Pada 4 dan 5 September 2006, PTAR telah menerima lawatan dari panel penilai Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2006. Ini merupakan satu pencapaian kepada PTAR kerana telah terpilih sebagai salah satu jabatan di UiTM yang memasuki pusingan kedua AKNC pada tahun ini. Panel penilai terdiri daripada En. San Ahmad Abu Zarin sebagai ketua penilai, Pn Lailatul Faizah Abu Hassan, Pn Che Aminah Jaafar dan Dr. Norhati Ibrahim. Turut serta ialah Moderator InQKA iaitu Prof Madya Dr. Rahmah Mohd Rashid, Prof Madya Dr. Norasfah Hanim Yaakob Yahaya Al Haj dan Prof Madya Rosmawati Abd Halim.

Selain PTAR, Fakulti Perakaunan, Pejabat Bendahari dan UiTM Sarawak turut terpilih ke pusingan akhir AKNC. Sejarah pencapaian PTAR dalam AKNC bermula pada tahun 2004 dimana PTAR telah menerima Anugerah Kepastian Kualiti Output dan diikuti pada tahun 2005, PTAR menerima Anugerah Penggunaan Maklumat dan Analisis.

Penyertaan PTAR dalam AKNC pada tahun ini amat bermakna kerana ini membuktikan bahawa PTAR yakin dengan usaha-usaha peningkatan

kualiti yang dijalankan dan bersedia untuk dinilai oleh para panel. PTAR sedaya upaya cuba untuk memenuhi kesemua 8 (lapan) kriteria penilaian pencapaian cemerlang yang telah ditetapkan oleh InQKA berdasarkan Malcolm Baldrige – Education Criteria for Performance Excellence. Jawatankuasa penyediaan laporan telah berjaya menghasilkan satu Laporan Penilaian Pengurusan PTAR yang lengkap. Ini diikuti dengan penyediaan dokumen penting oleh semua bahagian bagi menyokong proses penilaian tersebut.

Melalui AKNC, PTAR juga telah dapat mewujudkan budaya perkongsian ilmu pengetahuan dan maklumat mengenai amalan-amalan terbaik perpustakaan di Shah Alam dan juga perpustakaan - perpustakaan Cawangan. Laporan yang dihasilkan telah dimuatkan didalam Sistem Pengurusan Pengetahuan Dokumen Memori Korporat (Modul Enterprise Knowledge Management System) supaya dapat dikongsi bersama.

## Maklumat InfoPinTAR

Info PinTAR merupakan buletin rasmi Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA.

Buletin ini diterbitkan tiga kali setahun bertujuan menjadi perantara warga PTAR dengan seluruh pelanggannya.

Penerbitan buletin ini diharap akan menjadi satu alat dalam mempromosikan perkhidmatan perpustakaan kepada pelanggan dalaman dan luaran.

Info PinTAR mengalu-alukan sumbangan artikel ilmiah dari warga PTAR dan seluruh cawangannya. Pihak InfoPinTAR tidak bertanggungjawab di atas semua pendapat penulis.

## Menarik di dalam :

Dari Meja Ketua Pustakawan  
- **mukasurat 2**

Fokus Bulan Ini  
Pameran Kualiti  
- **mukasurat 3**

Pameran Harta Intelekt  
IPTA & Pesta Buku UiTM  
- **mukasurat 3**

Program "Pendidikan  
& Kemerdekaan"  
- **mukasurat 4**

Panduan Penggunaan  
"Webfeat Express"  
- **mukasurat 5 & 6**

Berita Bergambar PTAR  
- **mukasurat 7**